

# MTUC gesa daftar pekerja diberhenti

UM 29 SEP 2001

Oleh  
HAIRULAZIM MAHMUD

**K**UALA LUMPUR 28 Sept. — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menggesa Kementerian Sumber Manusia membuka kaunter-kaunter pendaftaran bagi mengenal pasti pekerja yang telah diberhentikan kesan kelembapan ekonomi ketika ini.

Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak berkata, dengan cara tersebut, dana rangsangan berjumlah RM150 juta yang diperuntukkan untuk melatih mereka dapat digunakan dengan sewajarnya.

“Ja lebih berkesan kerana kementerian akan memperolch jumlah sebenar untuk dilatih semula di bawah peruntukan baru itu selain dariwada yang ada sekarang ini,” katanya ketika dihubungi *Utusan* di sini hari ini.

Jelasnya, kaunter tersebut mesti dibuka di setiap daerah dan negeri untuk kemudahan orang ramai.

Adalah tidak wajar bagi kementerian, katanya,

membuka kaunter tersebut di lokasi-lokasi kurang strategik kerana akan menyukarkan orang ramai ke-  
lak.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kesan kelembapan ekonomi global yang berlaku akibat serangan ke atas Amerika Syarikat baru-baru ini.

Bagi menghadapi keadaan tersebut, kerajaan mengambil langkah drastik

dengan menyuntik RM4.3 bilion bagi merangsang ekonomi negara yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Selasa lalu.

Mengulas lanjut, Zainal berkata, akibat kelembapan ekonomi yang berlaku, MTUC menjangkakan lebih 100,000 pekerja akan diberhentikan.

“Tindakan tersebut akan melibatkan pekerja-pekerja dari semua sektor terutamanya pembuatan,” ujarnya.

Oleh itu, katanya, langkah kerajaan memberi peruntukan tambahan adalah bijak dan selaras Rancangan Malaysia Kelapan.

Katanya lagi, rakyat Malaysia bertuah kerana langkah kerajaan melakukan kawalan mata wang telah mengakibatkan nasib pekerja-pekerja tidak seburuk di Singapura.

“Kita bertuah kerana kerajaan mengambil langkah jangka panjang yang akhirnya menguntungkan pula rakyat,” tambahnya.